

# UMS perkukuh Penyelidikan Ekonomi Biru dan Keselamatan Maritim Sabah

UB 05.11.2024 P.03

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan Pusat Penyelidikan Ekonomi Biru dan Keselamatan Maritim (PPEBKM) sebagai usaha untuk memperkuuhkan penyelidikan berkaitan ekonomi biru dan keselamatan maritim khususnya di Sabah.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, penubuhan PPEBKM adalah selari dengan agenda kerajaan negeri di bawah inisiatif Sabah Maju Jaya (SMJ).

"Seperti yang kita tahu, ekonomi biru adalah satu agenda besar kerajaan negeri di bawah SMJ, dengan peranan universiti yang mempunyai pakar dalam hal ekonomi biru dan maritim menjadikan ianya sesuai untuk penubuhan pusat ini.

"Banyak penyelidikan

boleh dilakukan berkaitan ekonomi biru dan keselamatan boleh diterbitkan dalam jurnal bertaraf dunia," katanya ketika merasmikan bangunan pejabat PPEBKM di Pantai Pusat Pembangunan Luar (ODEC), UMS di sini.

Kasim berkata, Sabah mempunyai khazanah luas yang perlu diterokai dan sudah pastinya menjadi sumber ekonomi yang besar untuk negeri ini.

"Dari segi keselamatan maritim, kita satu-satunya yang dikelilingi tiga laut iaitu Laut China Selatan, Laut Sulu dan di bahagian selatan Laut Celebes.

"Ketiga-tiga lautan ini terdedah dengan pelbagai ancaman termasuk penyecludupan, penculikan, peras ugut dan sebagainya," katanya.

Beliau turut berkata, pen-

gumpulan pelbagai kajian dan data penyelidikan akan membawa kepada terbenutnya dasar.

Menurutnya, peranan pusat ini adalah untuk memperkaya sumber penyelidikan dan khazanah ilmu untuk generasi akan datang, selain turut menjadi pusat makmal dan penyelidikan yang akan dijalankan secara menyeluruh di lautan yang mengelilingi Sabah.

Pada majlis itu, Kasim turut menyempurnakan pelancaran Jurnal dan Pangkalan Data PPEBKM.

Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi (COO) Sekretariat Sabah Maju Jaya Ramlee Kariah; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Rosalam Sarbatly serta Pengarah PPEBKM UMS, Prof. Dr. Ismail Ali.



KENANGAN: Kasim merakamkan gambar bersama tetamu jemputan dan pegawai-pegawai UMS.